



## ISDC2014 CONFERENCE PROCEEDINGS

ISBN: 978-967-0474-74-8

# DASAR WARGA EMAS NEGARA DAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) DI MALAYSIA

Noraida Ibrahim\*, Zarina Mat Saad & Fatimah Zailly Ahmad Ramly

\*aida\_adea@ymail.com  
Universiti Utara Malaysia

### Abstract

Penuaan penduduk merupakan satu fenomena yang bakal melanda Malaysia pada abad ke-21 kelak. Negara kita sebagai negara membangun dijangka akan mengalami fenomena penuaan penduduk dalam masa terdekat dan kelajuan Malaysia mencapai status negara tua adalah lebih pesat berbanding negara maju yang lain. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 2007, warga emas di Malaysia akan berganda daripada 7% kepada 14% dalam masa 28 tahun sahaja berbanding negara Sweden yang telah mengambil masa selama 112 tahun untuk perubahan yang sama. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Dasar dan pelan ini kemudian telah ditambah baik menjadi Dasar Warga Emas Negara (DWEN) pada 5 Januari 2011. Kertas kerja ini akan membincangkan berkaitan DWEN yang menjadi panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan segala perancangan berkaitan program pembangunan warga emas bagi menghadapi fenomena penuaan kelak. Sub topik yang akan dibincangkan adalah berkaitan strategi yang terkandung di dalam DWEN. Selain itu pengwujudan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan salah satu program pembangunan yang diwujudkan dibawah DWEN bagi menangani isu dan cabaran warga emas akan turut dibincangkan dalam kertas kerja ini selain topik utama berkaitan DWEN. Sub topik berkaitan PAWE yang akan dibincangkan adalah berkaitan aspek pelaksanaan dan kaitan PAWE kepada kesejahteraan warga emas. Sebagai makluman, PAWE adalah satu alternatif kepada warga emas sebagai tempat untuk mendapatkan perkhidmatan serta menjalankan aktiviti harian dan ia turut menyumbang kepada kesejahteraan warga emas di dalam komuniti. Di Malaysia terdapat 22 buah PAWE yang telah diwujudkan melalui peruntukan projek Rancangan Malaysia ke lapan (8) dan sembilan (9).

**Keywords:** penuaan, Dasar Warga Emas Negara, warga emas, Pusat Aktiviti Warga Emas, kesejahteraan dalam komuniti

### PENGENALAN

Penuaan penduduk menyentuh setiap aspek hidup individu, masyarakat dan negara. Situasi kehidupan di peringkat tua bergantung kepada perjalanan dan perancangan hidup di peringkat awal lagi (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Malaysia menggunakan istilah 60 tahun dan ke atas sebagai takrifan warga emas di Malaysia sejajar dengan takrifan oleh *United Nations World Assembly on Ageing* pada tahun 1982 di Vienna. Malaysia juga menggunakan takrifan ini bagi merancang dasar dan perancangan untuk warga emas. Menurut Latifah (2010), warga emas pernah dikenali sebagai mereka yang berumur 50 tahun ke atas, namun dengan peningkatan tahap ekonomi dan kesihatan, kini umur warga emas di Malaysia telah diberikan penetapan baru selaras dengan penepatan umur warga emas di negara-negara maju yang lain. Oleh yang demikian, di Malaysia seseorang individu itu dikategorikan sebagai warga emas apabila berumur 60 tahun

dan ke atas.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) menerusi laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia telah melaporkan seramai 2,251,216 orang warga emas di Malaysia iaitu sebanyak 8.0 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia. Angka ini dijangka meningkat dan menurut Nurizan Yahaya, Siti Suhailah Abdullah, Yadollah Abolfathi Momtaz, Tengku Aizan Hamid (2010), Malaysia telah mencatatkan 7% daripada warga emas berumur 60 tahun dan ke atas pada tahun 2005, dan angka ini dijangka meningkat kepada 14% pada 2028. Situasi ini hanya mengambil masa selama 23 tahun lagi bagi Malaysia dikenali sebagai negara tua.

Jadual 1 - Statistik Kependudukan dan Jumlah Warga Emas di Negeri-negeri Seluruh Malaysia

Lokasi	Jumlah Penduduk	Jumlah Warga Emas	( % )
Malaysia	28,334,135	2,251,216	7.9
Perak	2,352,743	280,118	11.9
Perlis	231,541	24,499	10.5
Pulau Pinang	1,561,383	159,285	10.2
Melaka	821,110	79,422	9.6
Kedah	1,947,651	184,087	9.4
Negeri Sembilan	1,021,064	91,920	9.0
Kelantan	1,539,601	135,935	8.8
Sarawak	2,471,140	211,181	8.5
Johor	3,348,283	278,028	8.3
Pahang	1,500,817	122,719	7.9
Kuala Lumpur	1,674,521	127,825	7.6
Terengganu	1,035,977	78,058	7.5
Selangor	5,462,141	334,289	6.1
Sabah	3,206,742	138,386	4.3
Labuan	86,908	3483	4.0
Putrajaya	72,413	981	1.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

Menyedari fenomena ini, kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara 1999. Dasar dan pelan ini kemudian telah ditambah baik pada tahun 2011 dengan menggantikannya dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN).

### **Dasar Warga Emas Negara (DWEN)**

Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Usaha ini dilakukan kerana penuaan penduduk adalah fenomena pada abad ke 21 merupakan satu realiti yang perlu diberikan perhatian khusus. Impaknya terhadap negara bergantung kepada sejauh mana negara bersedia untuk menghadapinya (Dasar Warga Emas Negara, 2011). Bagi menjayakannya, antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan mewujudkan sistem sokongan kepada keluarga agar warga emas dapat terus hidup di dalam komuniti (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995).

Pada peringkat nasional, dokumen dan dasar yang dirujuk dalam penilaian semula Dasar Warga Tua Negara adalah Perlembagaan Persekutuan, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991), Dasar Sosial Negara (2003), Dasar Kesihatan Warga Emas (2008) dan Wawasan 2020 serta Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Pada 5 Januari 2011, DWEN dan PTWEN telah diluluskan oleh Kabinet bagi menggantikan DWTN dan PTDWTN. Penambahbaikan DWEN menyentuh setiap aspek berkaitan penuaan hidup sama ada kepada individu, masyarakat dan negara. Situasi kehidupan di peringkat tua bergantung kepada perjalanan dan perancangan hidup di peringkat awal lagi. Falsafah DWEN adalah untuk mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai

hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara. Prinsip DWEN telah diadaptasi daripada prinsip PBB ke atas warga emas dan Madrid International Plan of Action on Ageing (MIPAA) seperti berikut :

- a. menggunakan pendekatan perkembangan sepanjang hayat;
- b. mengiktiraf hak untuk mendapat keperluan asas yang berkualiti;
- c. mengutamakan kesaksamaan peluang untuk mengakses pelbagai sumber;
- d. meningkatkan martabat diri dan berdikari;
- e. mengeratkan hubungan antara generasi;
- f. meningkatkan penyertaan dan penglibatan; dan
- g. mengukuhkan kerjasama dan perkongsian tanggungjawab.

Matlamat DWEN adalah untuk mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang memboleh dan membantu supaya warga emas hidup sejahtera. Objektif DWEN ditubuhkan adalah untuk membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua. Selain itu, objektif DWEN adalah untuk memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat dan menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi. DWEN juga ditambah baik agar dapat membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepada serta meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur. Objektif terakhir DWEN adalah untuk menggalakkan penggunaan hasil penyelidikan sebagai asas dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program warga emas.

Dasar Warga Emas Negara yang telah ditambahbaik pada tahun 2011 (DWEN) telah menggariskan enam (6) strategi yang dibentuk sebagai pendekatan untuk mencapai objektif DWEN. Berikut merupakan 6 strategi DWEN iaitu :

a. Promosi dan Advokasi

Penumpuan kepada usaha berterusan untuk memupuk kesedaran mengenai isu dan cabaran penuaan dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Warga emas dipromosi sebagai aset negara yang boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

b. Pembelajaran Sepanjang Hayat

Memberi peluang kepada setiap generasi terutamanya warga emas untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat. Fokus strategi ini adalah kepada pelaburan modal insan yang memberi tumpuan kepada persediaan awal dan tindakan pencegahan serta usaha untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas masa kini dan masa hadapan.

c. Keselamatan dan Perlindungan

Strategi ini berkaitan keutamaan keselamatan dan perlindungan warga emas dalam semua aspek tanpa mengira latar belakang mereka. Akses warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan, serta penderaan perlu dijamin dalam peruntukan undang-undang.

d. Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab

Strategi ini mengutamakan tadbir urus yang berkesan dalam tadbir urus insan, pelaksanaan program, penyediaan kemudahan dan perkhidmatan untuk merealisasikan dasar di pelbagai peringkat dan agensi. Akauntabiliti dalam pengurusan dan kewangan menjadi teras kepada penyampaian perkhidmatan dan kemudahan untuk meningkatkan faedah secara langsung kepada warga emas.

e. Penglibatan dan Kesepaduan antara Generasi

Strategi ini memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat inklusif berlandaskan kepada penglibatan secara berterusan dalam sektor ekonomi dan sosial. Strategi ini turut memfokus kepada usaha memupuk dan mengeratkan hubungan saling melengkapi melalui aktiviti/program pengukuhkan hubungan dan perpaduan dalam kalangan warga emas dan antara pelbagai generasi. Aspek warisan dan hubungan saling menghormati dan bantu-membantu antara generasi perlu diketengahkan dalam aktiviti/program.

f. Penyelidikan dan Pembangunan

Strategi ini memberi tumpuan kepada pengumpulan dan penggunaan data berdasarkan umur dan jantina dalam semua proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian program yang mesra warga emas. Strategi ini mampu meningkatkan penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan keberkesanan penyampaian dasar di pelbagai peringkat untuk menghasilkan program yang menyeluruh dan berterusan.

Keenam-enam strategi ini merupakan perkara yang ditekankan oleh pihak kerajaan dalam mengatasi isu dan cabaran berkaitan penuaan dan salah satunya adalah strategi kedua iaitu pembelajaran sepanjang hayat.

Melalui strategi ini, wujud ruang dan peluang bagi warga emas untuk menyumbang dalam program pembelajaran dan pengajaran, perkongsian pengalaman dan penyampaian ilmu serta kemahiran dan ia perlu diutamakan supaya peranan dan status mereka dapat dikenalkan dalam masyarakat (DWEN, 2011). Dalam hal ini, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dilihat sebagai satu alternatif kepada warga emas sebagai tempat untuk mendapatkan perkhidmatan dan menjalankan aktiviti harian serta menyumbang kepada usaha kesejahteraan warga emas di dalam komuniti (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995). Di samping memperolehi pengetahuan dan kemahiran daripada program/aktiviti yang diadakan, warga emas juga dapat menyumbang khidmat sukarela kepada masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995).

### **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**

Pada tahun 2001 kerajaan telah mewujudkan sebanyak 22 buah Pusat Jagaan Harian Warga Tuan (PJHWT) sebagai satu tempat untuk warga emas menjalankan aktiviti sehari-hari di dalam komuniti setempat melalui projek pembangunan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke 8 dan 9 di seluruh negara. Kementerian juga telah meluluskan Garis Panduan Perlaksanaan PJHWT pada Disember 2002 di mana telah menetapkan sebanyak RM33,330 bantuan geran penyelenggaraan kewangan tahunan akan diberikan oleh Kerajaan kepada NGO yang mengendalikan PJHWT (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2002). Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT) telah ditukar nama kepada Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) apabila perkataan warga tua ditukar penggunaannya kepada warga emas. Pada Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara Bil.1/2012, bertarikh 14 Februari 2012, PJHWE telah ditukar kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bersesuaian dengan konsep untuk menggalakkan warga emas menjalankan aktiviti dengan aktif dan bukannya berkonsep jagaan harian. (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012).

PAWE ini disasarkan kepada warga emas yang sihat dan dapat menguruskan diri dan melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995). Ini juga adalah selaras dengan PTWEN yang mengambil kira pembangunan potensi yang ada pada golongan warga emas dari segi keupayaan mereka yang masih sihat dan bertenaga untuk menyumbang khidmat bakti dan kepakaran mereka kepada komuniti setempat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011).

Objektif penubuhan PAWE adalah seperti berikut:

- a. Sebagai panduan kepada organisasi pelaksana dalam pengurusan dan pengendalian sebuah Pusat Aktiviti Warga Emas.
- b. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat mengenai program Pusat Aktiviti Warga Emas.
- c. Menentukan pengurusan Pusat Aktiviti Warga Emas menepati kualiti perkhidmatan yang ditetapkan demi manfaat warga emas.

Manakala konsep PAWE adalah seperti berikut:

- a. PAWE bertujuan untuk memberi satu kemudahan kepada warga emas menjalankan aktiviti terutama bagi mereka yang tinggal keseorangan semasa ketiadaan ahli keluarga yang keluar bekerja. Dengan cara ini, warga emas dapat terus hidup dengan keluarga dan mendapat khidmat sokongan dalam jagaan warga emas yang lebih terjamin.
- b. PAWE sebagai tempat menjalankan aktiviti bagi membolehkan warga emas belajar berdikari, berinteraksi sesama mereka dan menjalankan aktiviti bersama dengan masyarakat tempatan, memperolehi pengetahuan dan kemahiran serta terus dapat menyumbang khidmat sukarela kepada masyarakat.
- c. Pelaksanaan program ini dipertanggungjawabkan kepada pertubuhan sukarela kebajikan yang memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan golongan warga emas di negara ini.
- d. Masyarakat tempatan juga digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif atau memberi apaja sumbangan supaya program di Pusat Aktiviti Warga Emas ini benar-benar dapat mencerminkan penglibatan menyeluruh semua pihak dalam menjamin kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas.

Pelbagai perkhidmatan disediakan di PAWE seperti kemudahan beriadah, menjalankan program berbentuk

masakan, kraftangan, bersukan, beribadah dan sebagainya. Di sesetengah PAWE juga ada disediakan dengan perkhidmatan van bergerak yang dinamakan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE). UPWE ini digunakan untuk membawa warga emas yang berkeperluan untuk mendapatkan rawatan di klinik dan hospital. Sehingga kini terdapat 11 buah van UPWE telah diletakkan di PAWE untuk kemudahan warga emas (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012).

Kajian yang dibuat oleh Bradley (1999) telah mengkaji faktor petunjuk kualiti hidup warga emas yang melibatkan diri dalam aktiviti harian. Kajian ini mendapati, faktor demografi seperti jantina dan status perkahwinan memberikan kesan yang tinggi kepada kualiti hidup mereka. Skop kajian ini dibuat pada kawasan separa bandar. Selain itu, Masafumi, Yuichiro, Yoshihisa, Mitsunaga, Hiromi, Jun dan Akihisa (2006) telah membuat kajian berkaitan program penjagaan komuniti di negara yang telah maju dan bertujuan untuk mengekalkan dan meningkatkan kebolehan fungsi dan kesejahteraan warga emas serta dapat dan mengurangkan penggunaan perkhidmatan jagaan institusi dan kematian. Dapatkan kajian menunjukkan warga emas yang hadir mengikuti aktiviti di pusat aktiviti dapat mengurangkan risiko kematian daripada 63% kepada 44%. Ini menunjukkan kehidupan sihat di usia tua mempengaruhi lanjut usia warga emas. Walau bagaimanapun, kajian beliau hanya tertumpu kepada warga emas yang tidak berupaya dan tidak produktif.

## METODOLOGI

Menurut Merriam, Sharan dan Mohamad (2000), terdapat kajian yang dilakukan di barat untuk mengenal pasti faktor yang mendorong penyertaan aktif warga emas di usia tua. Satu daripada faktor yang dikenal pasti adalah hubungan sosial sebagai motivasi dan pendorong utama kepada warga emas untuk mengambil bahagian dan mengenali kawan-kawan baru serta menyumbang khidmat kepada masyarakat. Faktor ini didapati menjadi penyumbang utama kepada penuaan yang berjaya iaitu penuaan yang produktif. Walau bagaimanapun setelah sepuluh tahun penubuhan PAWE, tiada kajian ilmiah yang dikenal pasti telah dilakukan untuk mengkaji keberkesanannya PAWE serta agensi pelaksana yang terlibat. Ditambah pula peningkatan bilangan PAWE di seluruh negara, maka kajian mengenai PAWE amatlah penting agar penambahan PAWE kelak tidak menjadi sesuatu yang merugikan kepada pihak kerajaan.

Kajian ini akan meninjau keberkesanannya PAWE dan peranannya ke atas kesejahteraan warga emas yang terlibat di dalam program atau aktiviti yang dianjurkan. Ini bertepatan dengan salah satu objektif penubuhan PAWE iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif di dalam DWEN. Tahap kesejahteraan akan dilihat daripada beberapa dimensi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu dimensi kesihatan, hubungan sosial, berdikari, kebebasan & kawalan ke atas kehidupan, persekitaran, psikologi, kewangan dan aktiviti masa lapang. Ia juga hampir menyamai dimensi kesejahteraan yang dinyatakan di dalam DWEN iaitu kesihatan, kerohanian, persekitaran, ekonomi dan sosial (DWEN, 2011).

Kajian ini akan dijalankan di lokasi PAWE yang dipilih iaitu PAWE di negeri Selangor. Pemilihan ini dibuat kerana untuk melihat tahap kesejahteraan warga emas yang mewakili kawasan bandar dan luar bandar. Populasi kajian ini terdiri daripada warga emas yang berusia 56 tahun dan ke atas yang menjadi ahli berdaftar dan menjalani aktiviti di PAWE serta petugas dan pihak pengurusan yang menguruskan PAWE. Pemilihan responden warga emas dibuat secara rawak dan dipilih daripada senarai nama daripada rekod ahli berdaftar di PAWE. Data primer untuk kajian ini, dikumpulkan melalui temu bual dengan menggunakan 2 set soal selidik iaitu set soalan 1 adalah set soal selidik semi struktur yang akan diberikan kepada pihak pengurusan dan petugas, mengandungi 9 soalan berkaitan maklumat peribadi responden, 15 soalan berkaitan peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan dan penyelia PAWE yang telah dibina oleh pengkaji berdasarkan tugas dan tanggungjawab pihak pengurusan PAWE di dalam garis panduan PAWE. Akhir sekali, 6 soalan pandangan secara keseluruhan.

Manakala set soal selidik 2 akan mengandungi 11 soalan berkaitan demografi responden, 35 soalan yang diambil dan diterjemah ke Bahasa Malaysia dari soal selidik *Older Person Quality of Life* (OPQOL-35) bagi mengukur tahap kesejahteraan warga emas dan 20 soalan yang dibina dan telah diubahsuai oleh penyelidik berdasarkan soalan kepuasan pelanggan berkaitan sesuatu program untuk melihat peranan PAWE dari persepsi warga emas.

Untuk tujuan pengumpulan data ini, penyelidik akan menggunakan kaedah temubual dan mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang telah dikenal pasti menggunakan borang soal selidik yang telah disiapkan. Proses temu bual ini mungkin mengambil masa selama 30 minit. Namun begitu, set soalan tersebut perlu diuji kebolehpercayaannya terlebih dahulu. Untuk tujuan menguji kebolehpercayaan, seramai 30 orang sampel telah dipilih iaitu warga emas yang berdaftar di PAWE Cheras Baru, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai responden kajian rintis ini yang merupakan bukan kawasan kajian. Menurut Bailey dan Kenneth (1982), jumlah

30 adalah satu saiz sampel yang paling minimum dalam sesuatu kajian. Sampel dipilih secara mudah untuk menjawab pernyataan dalam skala yang telah dibentuk. Sampel dalam kajian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak dikaji. Hasil kajian rintis dianalisis untuk melihat kebolehpercayaan soal selidik. *Statistical Package For Social Science* (SPSS) 17.0 telah digunakan untuk menguji kebolehpercayaan data. Nilai *Cronbach Alpha* yang menghampiri 1 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Uma Sekaran (2000) menyatakan kebolehpercayaan di antara 0.6 dikatakan sebagai boleh diterima.

Data yang didapati akan dianalisis bagi mengenal pasti tahap, perbezaan dan hubungan beberapa pembolehubah ke atas kesejahteraan hidup warga emas. Perbezaan antara pembolehubah akan dianalisis menggunakan teknik min manakala hubungan antara pembolehubah akan dianalisis dengan menggunakan teknik korelasi. Kajian ini menggunakan analisis kuantitatif melalui perisian statistical Package for Social Science (SPSS) version 17.0 dan analisis secara kualitatif pula akan mengemukakan soalan berstruktur tentang peranan pihak pengurusan dan peranan petugas di Pusat Aktiviti Warga Emas.

## JANGKAAN KEPUTUSAN

Kajian ini dijangka akan dapat menerangkan peranan PAWE sebagai satu perkhidmatan yang memainkan peranan yang penting dalam aspek lesejahteraan hidup warga emas di Malaysia. Pentingnya untuk melihat aspek kesejahteraan adalah sebagai persediaan Malaysia dalam menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan status Negara tua kelak. Kerajaan akan dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan untuk merancang aktiviti dan program yang bermatlamatkan ke aras kesejahteraan hidup warga emas. Pertambahan PAWE juga akan menghasilkan impak yang berkesan dan bukan membazirkan wang kerajaan semata-mata. Selain itu, pertambahan serta perancangan program serta perkhidmatan lain kepada warga emas juga dapat diusulkan setelah kajian ini selesai. Ini kerana isu utama warga emas adalah berkaitan kesejahteraan hidup mereka. Menurut Donovan dan Halpern (2002), di United Kingdom, kerajaan telah menerima aspek kesejahteraan hidup sebagai salah satu perkara penting dalam membangunkan negara dan malaysia seharusnya berpendirian yang sama juga.

## RUJUKAN

- Bailey, & Kenneth, D. (1982). *Methods of social research* (edisi ke-2). New York: Free Press.
- Bedny, Gregory, Meister & David. (1997). *The Russian theory activity: Current application to design and learning*. Cambridge: MIT Press.
- Bowling, A., & Dieppe, P. (2005). What is successful ageing and who should define it?. *BMJ: British Medical Journal*, 331(7531), 1548.
- Buttel, F.H., Wilkening, E.A., & Martinson, O.B. (1977). Ideology and social indicators of the quality of life. *Social Indicators Research*, 4, 353-369.
- Creswell, J. W. (1994). *Research design*. Thousand Oaks, CA: Sage publications.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage publications.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2002). *Garis Panduan Perlaksanaan PJHWT*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2011). *Dasar Dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2012). *Analisis Perkhidmatan Luar : Pusat Aktiviti Warga Emas*.
- Jabatan Statistik Malaysia. (2010). *Laporan banci penduduk dan perumahan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2011). *Dasar Warga Emas Negara*.
- Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat. (1995). *Dasar Warga Tua Negara*.
- Khadijah Alavi. (2007). Pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibu bapa tua: Satu pendekatan berteraskan pendidikan komuniti. *Kajian Malaysia*, XXV (2), 55-71.
- Kuzuya, M., Masuda, Y., Hirakawa, Y., Iwata, M., Enoki, H., Hasegawa, J., & Iguchi, A. (2006). Day Care Service Use Is Associated with Lower Mortality in Community-Dwelling Frail Older People. *Journal of the American Geriatrics Society*, 54(9), 1364-1371.
- Latifah Abdul Latif. (2010). *Jaga umur biologi*. Dicapai pada 29 September, 2010 daripada <http://www.hmetro.com.mymymetroarticlesjagaumurbiologimyMAmyarticle>
- Ma'arof, R. & Asnarulkhadi, A.S. (2006). Hubungan latar belakang terpilih dengan kesejahteraan subjektif di kalangan orang tua. Paper presented at Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti, ISM- UKM, 20-21 Disember.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Momtaz, Y. A., Hamid, T. A., Yusoff, S., Ibrahim, R., Chai, S. T., Yahaya, N., & Abdullah, S. S. (2012). *Loneliness as a*

- risk factor for hypertension in later life. *Journal of Aging and Health*, 24(4), 696-710.
- Nurizan Yahaya, Siti Suhailah Abdullah, Yadollah Abolfathi Momtaz, Tengku Aizan Hamid (2010). Quality Of Life Of Older Malaysians Living Alone. *Educational Gerontology Journal*, 894
- Sundar, V., Fox, S. W., & Phillips, K. G. (2013). Transitions in Caregiving: Evaluating a Person-Centered Approach to Supporting Family Caregivers in the Community. *Journal of Gerontological Social Work*, (just-accepted).